

26 JAN 2001

Mahathir-Korban

RAKYAT MESTI SANGGUP KORBAN UNTUK NEGARA, KATA DR MAHATHIR

SIK, 26 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat mesti sanggup berkorban mempertahankan negara walaupun ada kalanya mereka tidak berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka.

Beliau berkata semangat berjuang mempertahankan negara dan sanggup berkorban kerana negara sangat penting dipupuk.

Katanya, kerajaan cuba memberi layanan terbaik kepada semua orang tetapi ada kalanya masih ada pihak yang tidak berpuas hati dan merasa kecewa.

"Apa akan jadi kepada negara kalau rakyat kita tak sanggup pertahankan negara. Walaupun kita tak puas hati hanya kerana beberapa sebab, kita harus berkorban untuk kepentingan negara," katanya semasa berucap pada majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama warga tentera di Kem Gubir di sini.

Turut hadir Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Seri Mohd Zahidi Zainuddin.

Perdana Menteri berkata kerajaan menghargai semangat yang ditunjukkan oleh rakyat negara ini yang sanggup menyertai angkatan tentera dan bergadai nyawa walaupun bidang lain menawarkan ganjaran yang lumayan berbanding pekerjaan dalam ketenteraan.

Katanya semangat seperti itu harus dipertahankan selama-lamanya supaya kemerdekaan dan kemakmuran negara ini dapat terus dikekalkan.

"Sebagai ketua kerajaan saya bersyukur kerana negara kita boleh dapat ramai orang menyertai angkatan tentera dan mereka datang dengan sukarela bagi menyertai pasukan bekekaan.

Dr Mahathir berkata peranan yang dimainkan pasukan tentera amat besar.

Katanya sejarah telah membuktikan beberapa empayar besar seperti Rom dan Greek runtuh kerana tidak mempunyai rakyat yang sanggup menjadi tentera sehingga terpaksa menyerahkan tugas ketenteraan itu kepada askar-askar upahan.

Semasa menyampaikan ucapan, Dr Mahathir kelihatan sebak seketika apabila bercakap mengenai pengorbanan pasukan tentera dalam mempertahankan negara daripada anasir komunis sehingga ramai yang terkorban.

Beliau berkata negara ini beruntung kerana mendapat pasukan tentera yang berdisiplin dan taat kepada negara.

"Kita bersyukur kerana angkatan tentera menjalankan tugas mengikut apa yang ditentukan dan mereka tidak memihak kepada sesiapa seperti yang berlaku di beberapa negara lain," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa tindakan menghantar anggota tentera berkhidmat di bawah panji Bangsa-Bangsa Bersatu di beberapa negara bertujuan supaya dunia menghormati keupayaan tentera negara ini.

"Dengan cara berkhidmat di luar negara, dunia tahu kecekapan dan kebolehan pasukan keselamatan kita," katanya.

-- BERNAMA

MZM JM RON